

**TITAH**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI**  
**AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI**  
**WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI**  
**DARUSSALAM**

**SEMPENA**  
**MAJLIS SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN**  
**ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-57 TAHUN**

**PADA:**  
**HARI AHAD**  
**17 SYAWAL 1439**  
**01 JULAI 2018**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, Kerana mengurniakan nikmat keamanan dan kesejahteraan kepada negara.

Beta dengan pehuh bangga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah mempamerkan perbarisan pada pagi ini dan yang terlibat dalam menjayakan sambutan Ulang Tahun Hari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Beta tidak lupa mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-57 kepada seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Kementerian Pertahanan.

Tugas utama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ialah untuk melindungi negara, selaku ianya satu kewajipan dan amanah. Maka laksanakanlah ia dengan penuh berhemah.

Negara tidak meminta lain, kecuali ini sahaja. Jangan tanya apa yang negara mahu, tetapi tanyalah kepada diri kita sendiri apa yang sudah kita sumbangkan kepada negara?

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah melalui usianya 57 tahun. Dalam usianya sepanjang itu, tentu saja asam garam pengalaman telahpun banyak dirasai. Ini, menjadikannya lebih matang dan berkualiti lagi.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei perlu menyadari, bahawa kita tidak mampu untuk ketinggalan dengan perkembangan-perkembangan di persekitaran yang semakin dinamik dari ke hari. Maka untuk itu, bukan keupayaan fizikal sahaja yang di ambil berat, malah keutuhan rohani atau *spiritual* juga hendaklah diutamakan.

Sebab itulah, seperti kita mengawal negara, hendaklah juga dikawal diri sendiri. Jangan ia dimasuki anasir atau dijangkiti oleh penyakit, seperti anasir dan penyakit dadah umpamanya. Kerana semua itu amat berupaya untuk melemahkan dan malah membinasakan.

Mana-mana pengelibatan atau kegiatan yang bermanfaat adalah elok diteruskan, seperti penyertaan kita dalam latihan-latihan ketenteraan serantau, dua hala atau pelbagai hala. Ini, bukan sahaja berguna dari sudut latihan, malah lebih daripada itu, boleh meningkatkan kemahiran dan keupayaan operasi kita.

Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei perlu mempamerkan kesungguhan dan keindahan kerjaya tentera itu sebagai satu kerjaya yang menarik dan menyakinkan, biar ia benar-benar diminati untuk diceburi oleh para belia harapan bangsa dan negara.

Tidakkah ini juga, salah satu cara kita membina negara?

Akhir kata, Beta ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, termasukan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang bertugas di luar negara serta yang telah bersara. Semoga segala khidmat bakti para perwira kita itu, akan mendapat ganjaran daripada *Allah Subhanahu Wata'ala*.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.